KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA
# KPWKM

**LAPORAN HARIAN** **JUMAAT, 17 OKTOBER 2025**



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




17/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **LEBIH 1,000 TASKA OPERASI TANPA LESEN, SELANGOR TERTINGGI** | | POSITIF |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lebih-1,000-taska-operasi-tanpa-lesen,-selangor-tertinggi | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1295826/1080-unregistered-child-care-centres-identified-noraini | NST.COM.MY | |
| | https://umno-online.my/2025/10/16/jkm-memudah-cara-pendaftaran-taska-tubuh-osc-noraini/ | UMNO-ONLINE.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **JKM SERBU 'PORT' GELANDANGAN, 545 INDIVIDU DISELAMATKAN** | | POSITIF |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1459835/jkm-serbu-port-gelandangan-545-individu-diselamatkan | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2479614 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2479609 | BERNAMA.COM | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/kl-welfare-department-rescues-545-homeless-in-city-hotspot-operations-AE15110415 | THESUN.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1296043/101-homeless-individuals-rescued-kl-strike-force-operation | NST.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **12,800 KAUNSELOR MALAYSIA DIHARGAI SEBAGAI PENJAGA KESEJAHTERAAN EMOSI MASYARAKAT** | | POSITIF |
| | https://malaysiaaktif.my/2025/10/12800-kaunselor-malaysia-dihargai-sebagai-penjaga-kesejahteraan-emosi-masyarakat/ | MALAYSIAAKTIF.MY | |

17/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **LEMAHNYA SISTEM PERLINDUNGAN KANAK-KANAK** | | **NEGATIF** |
| | https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2025/10/lemahnya-sistem-perlindungan-kanak-kanak/ | UTUSAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **TINGKATKAN KEMPEN KESEDARAN DI SEKOLAH** | | **POSITIF** |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/10/16/tingkatkan-kempen-kesedaran-di-sekolah/ | KOSMO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **CADANG TUBUH PASUKAN KHAS KESELAMATAN PELAJAR DI SEKOLAH** | | **POSITIF** |
| | https://malaysiagazette.com/2025/10/16/cadang-tubuh-pasukan-khas-keselamatan-pelajar-di-sekolah/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **WRUR: SAYANG ANAK BUKAN DIMANJA, IBU BAPA PERLU PEKA PERUBAHAN KANAK-KANAK** | | **POSITIF** |
| | https://www.melakahariini.my/wrur-sayang-anak-bukan-dimanja-ibu-bapa-perlu-peka-perubahan-kanak-kanak/ | MELAKAHARIINI.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **ASEAN DIGESA LAKSANA DASAR TENAGA BOLEH BAHARU RESPONSIF, UTAMAKAN KEHIDUPAN WANITA** | | **POSITIF** |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2479754 | BERNAMA.COM | |

17/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 9 | **PENGGANTIAN KAD BOLEH DILAKUKAN SELEPAS LAPORAN PERUBATAN, MAKLUMAT TERKINI DIKEMUKAN - JKM** | | NEUTRAL |
| | https://www.hmetro.com.my/rap/rapextra/2025/10/1276566/penggantian-kad-boleh-dilakukan-selepas-laporan-perubatan-maklumat | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/752853/berita/semasa/jkm-keluarkan-kad-oku-anak-zarina-setelah-dokumen-diserah | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/10/16/jkm-keluarkan-kad-oku-anak-zarina-selepas-semua-dokumen-diserahkan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1276555/tiada-rekod-pengesahan-perubatan-punca-kad-oku-anak-zarina-zainuddin-sukar | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 10 | **KPM AKAN LAKSANA REFORMASI SEGERA SEKTOR PENDIDIKAN - FADHLINA** | | POSITIF |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpm-akan-laksana-reformasi-segera-sektor-pendidikan-fadhlina | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1276275/kpm-lakukan-reformasi-elak-insiden-tragis-di-sekolah-berulang | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/keselamatan-sekolah-kpm-laksana-reformasi-segera-sistem-sokongan-guru-antara-fokus-utama-543162 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1295747/updated-school-safety-education-ministry-announces-immediate-reforms | NST.COM.MY | |
| | https://www.nabalunews.com/post/kpm-laksana-reformasi-serta-merta-tingkat-keselamatan-sekolah | NABALUNEWS.COM | |
| | https://malaysiatribune.news/berita-semasa/kpm-arah-tindakan-tegas-kes-rogol-pelajar-di-kedah/ | MALAYSIATRIBUNE.NEWS | |
| | https://www.suarakeadilan.my/post/reformasi-segera-sistem-mekanisme-keselamatan-sekolah-fadhlina | SUARAKEADILAN.MY | |
| | https://onetiger.com/kpm-laksana-reformasi-segera-keselamatan-sekolah-melalui-lima-fokus-utama/ | ONETIGER.COM | |




17/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 11 | **'CHILDREN ARE BEING FAILED': SUHAKAM CALLS FOR STRONGER PROTECTION AGAINST VIOLENCE TARGETING GIRLS** | | POSITIF |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/16/children-are-being-failed-suhakam-calls-for-stronger-protection-against-violence-targeting-girls/194847 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/16/suhakam-urges-decisive-measures-to-protect-girls-after-recent-violence | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/16/school-violence-against-girls-exposes-weak-safeguards-says-suhakam | FREEMALAYSIATODAY.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 12 | **KBS TELITI PELAKSANAAN SISTEM MENTOR BANTU PELAJAR HADAPI ISU BULI** | | POSITIF |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kbs-teliti-pelaksanaan-sistem-mentor-bantu-pelajar-hadapi-isu-buli/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/kbs-to-present-youth-bullying-solutions-to-cabinet-soon-AF15107214 | THESUN.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 13 | **2 PELAJAR KES ROGOL JUNIOR DIDAKWA, SEORANG MENGAKU SALAH** | | NEGATIF |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/10/16/2-pelajar-kes-rogol-junior-didakwa-seorang-mengaku-salah/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rogol-berkumpulan-dua-calon-spm-didakwa-seorang-mengaku-salah-543188 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://bernama.com/bm/news.php/am/news.php?id=2479538 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/752765/berita/semasa/rogol-bergilir-gilir-pelajar-tingkatan-3-dua-calon-spm-didakwa-seorang-mengaku-salah | SINARHARIAN.COM.MY | |

17/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2479538 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/2-remaja-didakwa-kes-rogol-pelajar-seorang-tertuduh-mengaku/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/10/16/calon-spm-menangis-mengaku-rogol-seorang-lagi-mengaku-tak-bersalah/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.mingguanwanita.my/pelajar-calon-spm-mengaku-rogol-bergilir-pelajar-tingkatan-3-di-melaka-seorang-lagi-minta-dihukum-bicara/ | MINGGUANWANITA.MY | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/758244 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2479538 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2025/10/1276254/kes-rogol-berkumpulan-dalam-kelas-di-melaka-pelajar-didakwa-seksyen-375b-377b | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1459564/pelajar-terbabit-rogol-berkumpulan-dalam-kelas-di-melaka-didakwa | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/individu-terlibat-kes-rogol-dituduh-seksyen-375b-dan-377b-kk/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.scoop.my/berita/271470/suspek-pelajar-kes-rogol-berkumpulan-di-melaka-didakwa-ikut-seksyen-375b-377b-kk/ | SCOOP.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/16/kes-rogol-di-sekolah-2-didakwa-seorang-mengaku-salah | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1459965/pelajar-tingkat-dua-direman-empat-hari-kes-amang-seksual | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/16/two-teens-charged-in-melaka-school-rape-case-one-pleads-guilty-one-claims-trial/194802 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/758204 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://theedgemalaysia.com/node/774367 | THEEDGEMALAYSIA.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1276599/pelajar-tingkatan-dua-ditahan-bantu-siasatan-kes-amang-seksual | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.sinardaily.my/ampArticle/731020 | SINARDAILY.MY | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/114117/rapeds | THEVIBES.COM | |

17/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 14 | **LAGI KES ROGOL BERKUMPULAN DALAM KELAS, 4 DITAHAN TERMASUK 3 PELAJAR SEKOLAH** | | **NEGATIF** |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2025/10/1276229/lagi-kes-rogol-berkumpulan-dalam-kelas-4-ditahan-termasuk-3-pelajar-sekolah | HMETRO.COM.MY | |
| | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/polis-tahan-tiga-pelajar,-seorang-bekas-pelajar-disyaki-merogol | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1276305/suspek-kes-rogol-berkumpulan-di-baling-berusia-antara-15-hingga-17-tahun | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/752739/berita/semasa/lagi-kes-rogol-berkumpulan-berlaku-di-sekolah-tiga-pelajar-dan-bekas-pelajar-ditahan | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2479429 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2025/10/1276523/rogol-pelajar-di-baling-kejadian-berlaku-dalam-kelas-ladang-sawit-polis | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/758207 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1459853/kes-rogol-di-baling-kejadian-berlaku-pada-waktu-lokasi-berasingan-polis | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/rogol-di-baling-suspek-dan-mangsa-lakukan-aktiviti-seksual-sejak-mei-lalu/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/10/16/lagi-kes-rogol-berkumpulan-libat-pelajar-empat-remaja-ditahan-polis/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/10/16/4-pelajar-bekas-pelajar-ditahan-kes-rogol-berkumpulan/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1459657/4-suspek-kes-rogol-berkumpulan-pelajar-di-baling-berusia-antara-15 | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.malaysiadateline.com/lagi-kes-rogol-berkumpulan/ | MALAYSIADATELINE.COM | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/16/lagi-kes-rogol-berkumpulan-dalam-kelas-3-pelajar-antara-4-ditahan | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1276440/kes-rogol-pesalah-akan-dibuang-sekolah-jpn-kedah | HMETRO.COM.MY | |

17/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1459638/kes-rogol-dalam-kelas-di-baling-suspek-mangsa-15-tahun-lakukan-seks-sejak | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1459522/lagi-kes-rogol-berkumpulan-dalam-kelas-3-pelajar-sekolah-seorang-bekas | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1459792/kes-rogol-pesalah-akan-dibuang-sekolah-jpn-kedah | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/10/16/teman-lelaki-mangsa-antara-ditahan-kes-rogol/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/tiga-pelajar-terlibat-rogol-di-baling-dibuang-sekolah/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/10/16/jpn-pastikan-kesejahteraan-mangsa-rogol-pesalah-dibuang-sekolah/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/rogol-di-baling-kebajikan-mangsa-diberi-perhatian-jpn-kedah/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/pdrm-nafi-kes-rogol-beramai-ramai-di-sekolah-baling-sahkan-sebagai-rogol-statutori/ | MALAYSIATRIBUNE.NEWS | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/kejadian-rogol-turut-berlaku-kebun-kelapa-sawit/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.scoop.my/berita/271458/lagi-kes-rogol-berkumpulan-di-sekolah-3-pelajar-seorang-bekas-pelajar-ditahan/ | SCOOP.MY | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=6pUtyexXIXg | YOUTUBE | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/16/another-gang-rape-reported-4-nabbed | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/16/four-teen-boys-arrested-in-alleged-baling-sexual-assault-case-second-school-gang-rape-incident-this-month/194759 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2479433 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/16/police-baling-school-students-case-classified-as-statutory-not-gang-rape/194873 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/758209 | MALAYSIAKINI.COM | |




17/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/16/students-in-alleged-baling-school-gang-rape-case-will-be-expelled-says-kedah-education-dept/194842 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/16/kedah-case-reclassified-as-statutory-rape-say-cops | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/16/baling-case-reclassified-as-statutory-rape-say-police | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/16/kedah-cops-nab-four-teens-over-alleged-gang-rape-sharing-sex-video-on-social-media | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1295647/updated-three-students-among-four-teens-arrested-over-girls-gang-rape | NST.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/16/students-in-alleged-baling-gang-rape-case-to-be-expelled | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.scoop.my/news/271496/baling-school-rape-case-four-teenagers-arrested-over-alleged-sexual-assault-obscene-video/ | SCOOP.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1295761/baling-school-gang-rape-teens-filmed-group-sex-classrooms-over-months | NST.COM.MY | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/16/students-accused-in-kedah-school-gang-rape-incident-expelled-says-state-education-dept | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/114134/police-clarify-baling-school-incident-as-statutory-rape-not-gang-rape | THEVIBES.COM | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1295926/updated-police-no-gang-rape-baling-school-case-involves-statutory-rape | NST.COM.MY | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/114118/rape-incident-in-baling-suspects-15-year-old-victim-have-been-having-sex-since-last-may | THEVIBES.COM | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/114103/three-schoolboys-held-over-yet-another-gang-rape-and-pornography-sharing-case | THEVIBES.COM | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/baling-gang-rape-4-teens-arrested-over-classroom-assaults-MF15106831 | THESUN.MY | |

17/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 15 | **FASILITATOR DITAHAN BERHUBUNG KES CABUL MURID DALAM KEM MOTIVASI** | | NEGATIF |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2025/10/fasilitator-ditahan-berhubung-kes-cabul-murid-dalam-kem-motivasi/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/10/16/fasilitator-ditahan-sentuh-murid-lelaki-di-kem-motivasi/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1276295/cabul-empat-murid-12-tahun-fasilitator-akademi-direman-seminggu | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/16/fasilitator-disyaki-cabul-4-murid-di-pusat-latihan-ditahan | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/10/16/fasilitiator-cabul-empat-murid-lelaki-ditahan-polis/ | TVSARAWAK.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1459631/cabul-4-murid-lelaki-di-pusat-latihan-fasilitator-akademi-direman-7-hari | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/752754/berita/semasa/fasilitator-kem-motivasi-freelance-ditahan-cabul-empat-murid-lelaki | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/758256 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/16/facilitator-arrested-for-allegedly-molesting-four-boys-at-camp | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/16/camp-facilitator-arrested-over-alleged-molestation-of-four-standard-six-pupils-in-balik-pulau/194878 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/16/academy-facilitator-nabbed-for-alleged-sexual-assault-on-4-students | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/114127/motivational-camp-facilitator-arrested-over-alleged-molestation-of-four-schoolboys-in-penang | THEVIBES.COM | |
| | https://www.nst.com.my/news/regional/2025/10/1295774/man-held-over-molest-four-boys-motivational-camp | NST.COM.MY | |
| | https://says.com/my/seismik/fasilitator-kena-reman-7-hari-selepas-disyaki-cabul-4-murid-darjah-enam-dalam-dorm-asrama | SAYS.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Dj1ToZm_bLo | YOUTUBE | |

17/10/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 16 | **PELAJAR LELAKI DICEKUP KES 'GANGGUAN' DI SEKOLAH** | | **NEGATIF** |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/10/16/pelajar-lelaki-dicekup-kes-gangguan-di-sekolah/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/752868/berita/semasa/pelajar-lelaki-14-tahun-direman-empat-hari-kes-amang-seksual | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2479784 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/752857/berita/semasa/pelajar-perempuan-alami-gangguan-seksual-di-sekolah-suspek-ditahan-polis | SINARHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 17 | **BURUH LADANG MENGAKU ROGOL ANAK, LAKUKAN AMANG SEKSUAL FIZIKAL** | | **NEGATIF** |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/buruh-ladang-mengaku-rogol-anak-lakukan-amang-seksual-fizikal/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1459765/buruh-ladang-mengaku-rogol-anak-lakukan-amang-seksual-fizikal | BHARIAN.COM.MY | |

# Lebih 1,000 taska operasi tanpa lesen, Selangor tertinggi

Nasional - Dicipta: 16 Oktober 2025 04:06 PM



*Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.*

***KUALA LUMPUR, 16 Oktober*** - Lebih 1,000 premis taska dikesan beroperasi tanpa lesen di seluruh negara, dengan Selangor mencatat jumlah tertinggi iaitu 407 premis.

Ia diikuti 114 di Kuala Lumpur, 95 di Sarawak, 82 di Johor, 71 di Pahang, 66 di Pulau Pinang dan 60 premis di Kedah.

48 taska tidak berlesen juga dikesan di Kelantan, Negeri Sembilan (42), Melaka (33), Terengganu (30), Sabah (19), Perak (10), dua di Labuan dan satu di Perlis.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata, jumlah itu dikenal pasti hasil operasi penguatkuasaan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Sehingga 22 Ogos 2025, sebanyak 902 telah selesai diambil tindakan penguatkuasaan termasuk 294 buah telah berjaya didaftarkan dan baki 178 dalam tindakan penguatkuasaan," katanya di Dewan Rakyat.

Bagi menangani isu itu secara lebih menyeluruh, Task Force Penguatkuasaan Taska Tidak Berdaftar ditubuhkan, dengan pendekatan yang melibatkan bantuan konsultasi, panduan pendaftaran, dan pusat sehenti (OSC) bersama agensi teknikal seperti KKM, PBT dan Bomba.

Langkah itu turut disokong oleh kempen advokasi seperti 'Jom Daftar Taska' di peringkat komuniti.

Beliau turut menyeru semua pengusaha agar segera mendaftarkan premis masing-masing bagi menjamin keselamatan kanak-kanak serta mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

# JKM serbu 'port' gelandangan, 545 individu diselamatkan

BERNAMA - Oktober 16, 2025 @ 4:43pm



Kakitangan JKM menahan beberapa gelandangan dalam Operasi KL Strike Force bagi aktiviti orang papa dan kanak-kanak di sekitar ibu kota tengah malam tadi. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Sebanyak 545 individu termasuk 180 warga asing berusia 30 hingga 60 tahun berjaya diselamatkan sejak inisiatif bersepadu menangani isu gelandangan di ibu negara, Operasi KL Strike Force dilaksanakan pada Februari hingga pagi tadi.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan, Che Samsuzuki Che Noh, berkata operasi itu, yang memasuki siri keenam tahun ini menumpukan lokasi strategik di pusat bandar, termasuk stesen pengangkutan dan pusat komersial dengan 16 *hotspot* gelandangan dikenal pasti seperti jejantas UTC Pudu, Bukit Bintang, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Masjid Jamek dan Jalan Imbi.

"Hasil pelaksanaan ini diharap dapat mewujudkan persekitaran yang kondusif serta menjaga imej negara pada mata masyarakat antarabangsa," katanya ketika ditemui di lokasi operasi awal pagi tadi.

Beliau turut mengakui isu gelandangan memerlukan pendekatan berterusan kerana sebahagian kes berulang berpunca daripada kurang sokongan keluarga atau masalah sosial lain.

"Dari segi makan minum, pakaian dan keperluan asas, mereka sebenarnya tidak terabai tetapi aspek keselamatan, kesihatan dan imej negara, ini yang perlu ditangani bersama," katanya.

Che Samsuzuki berkata setiap individu yang diselamatkan akan melalui proses saringan daripada pelbagai agensi yang terlibat seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

Dalam siri keenam operasi yang berlangsung dari 10 malam hingga 8 pagi tadi, sebanyak 101 individu diselamatkan, termasuk 27 warga asing.

Antara mereka ialah Kumar, 59, dan Daud, 45, yang terpaksa menjadi gelandangan kerana pendapatan tidak menentu dan tiada kemampuan mendapatkan tempat tinggal lebih baik, memberi gambaran nyata tentang realiti gelandangan di kota raya.

"Malam ni saya bersyukur JKM datang bantu... sekurang-kurangnya saya tidak perlu lagi tidur di kaki lima dan diberi peluang untuk kerja baharu," kata Kumar yang berasal dari Kuala Selangor dan kini tidak bekerja.

Daud, dari Perak pula berkata hidupnya berubah selepas ditinggalkan rakan yang datang bersamanya ke ibu kota sebelum pandemik COVID-19 melanda negara.

"Saya pernah kerja kontrak, lepas itu kutip tin sebab tiada pilihan... pernah juga ditahan sebab tidur depan kedai, tapi bila negatif ujian air kencing saya dilepaskan, saya harap kali ini bantuan JKM boleh ubah hidup saya," katanya penuh harapan. – BERNAMA

# 12,800 Kaunselor Malaysia Dihargai Sebagai Penjaga Kesejahteraan Emosi Masyarakat




**PARIT BUNTAR, 16 Okt (MalaysiaAktif)** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menetapkan Oktober sebagai Bulan Kaunseling Kebangsaan (BKK).



*Antara pengisian program membuat bakul salah satu terapi kepada pesakit mental*

Penetapan ini selaras dengan sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia pada 10 Oktober setiap tahun.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Rosmawati Ishak, berkata tema sambutan tahun ini ialah Kaunseling Era Digital: Santuni Emosi, Sejahtera Insani.

Beliau menjelaskan, tema tersebut sangat signifikan dengan realiti semasa di mana cabaran baharu wujud di sebalik kemudahan digital, termasuk tekanan digital, ketagihan gajet, penyebaran berita palsu serta perasaan terasing walaupun dikelilingi dunia maya.



*Salah satu terapi yang digunakan dalam sesi terapi minda*

"Saya berharap sambutan ini dapat membuka minda masyarakat untuk lebih prihatin terhadap kesihatan mental, sama seperti kita menjaga kesihatan fizikal.

"Di samping itu, ia juga dapat menghargai kerjaya kaunselor yang sentiasa menyediakan perkhidmatan bimbingan dan khidmat sokongan yang berkesan kepada komuniti," katanya ketika merasmikan program tersebut di Mydin Parit Buntar di sini, hari ini.

Rosmawati turut memaklumkan, Malaysia kini mempunyai kira-kira 12,800 kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor yang telah dilatih secara profesional.

Tambah beliau lagi, walaupun jumlah ini dilihat besar, namun ia masih belum mencukupi jika dibandingkan dengan populasi rakyat Malaysia yang melebihi 33 juta orang.

Beliau menyeru warga kaunselor dan pegawai psikologi untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi, profesionalisme dan integriti kerana mereka adalah penjaga kesejahteraan emosi masyarakat.

## Lemahnya sistem perlindungan kanak-kanak



PUSAT asuhan kanak-kanak wajar diperkasa dengan sistem pemantauan lebih ketat agar keselamatan dan kebajikan kanak-kanak sentiasa terjamin. -GAMBAR HIASAN

Oleh Rencana Utusan 16 Oktober 2025, 9:00 am

KES kecederaan seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun dan kematian para ibu bapa serta mereka yang terpaksa meletakkan anak-anak kecil di pusat asuhan kini hidup dalam kebimbangan.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kes penderaan dan kecuaian terhadap kanak-kanak semakin meningkat.

Di Melaka sahaja, 306 kes penderaan dilaporkan pada 2023 berbanding hanya 86 kes pada 2022.

Secara nasional, sehingga Ogos 2024, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menerima lebih 2,000 laporan penderaan kanak-kanak termasuk kes kematian akibat kecuaian seperti ditinggalkan dalam kenderaan.

Perkembangan ini menuntut tindakan segera memperkukuh sistem penjagaan awal kanak-kanak. Langkah ini bukan bertujuan mencari salah mana-mana pihak tetapi memastikan tragedi yang boleh dielakkan tidak terus berlaku.

Ramai ibu bapa berada dalam dilema antara faktor ekonomi dan cuti bersalin yang terhad memaksa mereka bergantung pada pusat jagaan. Namun, kualiti perkhidmatan serta kesediaan pengasuh menghadapi kecemasan masih belum seragam.

Antara cadangan yang boleh dipertimbangkan termasuklah memperluas skop kawal selia pusat jagaan di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) supaya aspek keselamatan kanak-kanak dikawal pakar pediatrik.

Pengasuh pula wajar dilengkapkan dengan latihan pertolongan cemas dan pengetahuan asas kesihatan bayi.

Di samping itu, sistem akreditasi pusat jagaan perlu ditambah baik dengan memberi penekanan pada keselamatan dan kesejahteraan menyeluruh, bukan sekadar syarat pendaftaran.

Bagi jangka panjang, dasar cuti bersalin berbayar sekurang-kurangnya enam bulan dengan pilihan sambungan fleksibel perlu dipertimbangkan. Hakikatnya, ibu adalah pengasuh terbaik pada tahun-tahun awal kehidupan anak. Kehadiran ibu memberi bukan sahaja nutrisi, malah jaminan emosi dan keselamatan yang sangat penting dalam pembentukan perkembangan awal.

Kajian antarabangsa menunjukkan bayi yang dijaga oleh ibu sepanjang enam bulan pertama lebih sihat, seimbang dan stabil emosinya ketika dewasa.

Melindungi nyawa kanak-kanak adalah tanggungjawab bersama. Masyarakat sivil dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) boleh memainkan peranan melalui program sukarelawan, pemantauan komuniti dan advokasi kesedaran.

Pendidikan awam mengenai pemilihan pusat asuhan berdaftar serta tanda-tanda penderaan mesti diperluas melalui media sosial, ceramah komuniti dan kursus keibubapaan.

Lebih penting, budaya prihatin perlu dipupuk. Apabila pusat asuhan dianggap sebagai tanggungjawab bersama, masyarakat akan lebih berani melaporkan salah laku dan tidak memandang sepi kecuaian.

Peranan jiran, rakan sekerja dan keluarga juga tidak boleh diketepikan kerana mereka mampu menjadi benteng awal dalam mencegah tragedi.

Dalam kerangka Islam, menjaga nyawa (hifz al-nafs) adalah antara objektif utama maqasid syariah. Nabi Muhammad SAW menegaskan setiap orang adalah penjaga dan bertanggungjawab terhadap yang berada di bawah jagaannya (Riwayat Bukhari dan Muslim). Hadis ini menjelaskan tanggungjawab terhadap anak kecil bukan sekadar peribadi tetapi amanah sosial.

Ibn Qayyim turut menegaskan anak-anak adalah amanah Allah. Jika mereka dibesarkan dalam suasana cuai, keseluruhan struktur sosial akan terjejas. Justeru, kerajaan sebagai pemegang kuasa awam mesti menyediakan dasar dan infrastruktur untuk menyokong ibu bapa termasuk cuti bersalin mencukupi, pusat jagaan selamat serta latihan pengasuh yang komprehensif. Ia bukan sekadar soal polisi tetapi cerminan keprihatinan negara terhadap generasi masa hadapan.

Beberapa inisiatif kerajaan seperti pemasangan plak pendaftaran berkod QR di taska dan Program Advokasi Perkhidmatan Taska yang dilancarkan pada 2024 menunjukkan langkah progresif.

Namun, usaha ini perlu dilengkapkan dengan dasar lebih menyeluruh agar sistem penjagaan anak menjadi lebih selamat, profesional dan berperikemanusiaan.

Setiap nyawa yang hilang adalah tragedi, bukan hanya buat keluarga mangsa tetapi juga buat masyarakat. Ia seharusnya menjadi peringatan agar kita lebih serius memperbaiki sistem, menyantuni keperluan ibu bapa dan membina ekosistem penjagaan anak yang selamat.

Penambahbaikan ini bukan hanya demi ibu bapa dan anak-anak mereka tetapi demi kita semua demi masa hadapan negara dan nilai kemanusiaan yang mesti terus dijunjung. – UTUSAN

NAJWA ABD. GHAFAR
Pegawai Penyelidik Kanan,
Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan,
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)



Kes-kes jenayah yang terjadi di sekolah memerlukan satu tindakan drastik dilakukan bagi menanganinya.

# Tingkatkan kempen kesedaran di sekolah

Oleh MOHD SHARKAWI LONDING   16 Oktober 2025, 6:00 am

Minggu lalu, negara dikejutkan dengan kejadian jenayah seksual melibatkan pelajar perempuan tingkatan tiga sebuah sekolah di Melaka.

Kejadian 2 Oktober lalu yang menimpa mangsa berusia 15 tahun dipercayai dilakukan dua pelajar senior di dalam kelas dan dirakam serta ditonton dua pelajar lain dengan menggunakan telefon bimbit.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, sebanyak 6,462 kes penderaan seksual kanak-kanak dilaporkan sejak 2020 hingga 2024. Namun persoalannya, apakah faktor yang mendorong berlakunya salah laku seksual dalam kalangan kanak-kanak ini?

Menurut Pegawai Psikologi Kanan Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia, Siti Fatimah Abdul Ghani, punca kejadian rogol atau gangguan seksual terhadap kanak-kanak adalah sangat kompleks.

"Ia boleh berpunca dari pelbagai faktor iaitu individu, keluarga, sosial dan budaya. Faktor individu (si pelaku) berkemungkinan mereka gagal mengawal dorongan seksual dan bertindak mengikut nafsu tanpa memikirkan akibat.

"Ada sesetengah individu alami gangguan seperti pedofilia, iaitu tarikan seksual terhadap kanak-kanak atau mungkin terdedah dengan pornografi menyebabkan mereka ketagih dan mencetuskan rasa ingin mencuba di dunia nyata.

"Bagi sesetengah kes, puncanya adalah disebabkan pengaruh alkohol atau dadah yang menyebabkan pelaku hilang pertimbangan," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Beliau berkata, antara faktor lain adalah keluarga tidak harmoni seperti berlakunya konflik rumah tangga, perceraian atau pengabaian menjadikan anak-anak terdedah kepada penderaan oleh ahli keluarga sendiri.

Jelasnya, disebabkan konflik itu, ibu bapa dilihat kurang memberi perhatian kepada anak-anak menjadikan mereka bebas melakukan apa sahaja sehingga wujud aspek cuai selain faktor sosial dan persekitaran yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak.

"Sebagai contoh, pendedahan media tidak terkawal seperti filem, drama atau media sosial yang menormalisasi unsur seksual terhadap kanak-kanak, kehidupan sosial yang longgar dan pengaruh rakan sebaya, dorongan kumpulan tertentu yang anggap perbuatan itu sebagai tidak serius.

"Ada juga dalam kes tertentu, kanak-kanak jadi mangsa perdagangan seks atau eksploitasi kerana tekanan ekonomi keluarga," ujarnya.

Katanya, kanak-kanak yang menjadi mangsa sudah pastinya akan mengalami trauma seumur hidup dan boleh berlarutan untuk jangka masa panjang melibatkan aspek emosi, fizikal, sosial, dan psikologi sehingga boleh mendorong mereka bertindak untuk menamatkan riwayat hidup.

Oleh itu, semua lapisan masyarakat harus melibatkan diri bermula dari rumah. Kempen kesedaran perlu dilaksanakan termasuk di sekolah selain mempertingkatkan pendidikan moral dan agama dengan didikan nilai menghormati maruah, hak orang lain dan empati.

"Ibu bapa perlu peka terhadap perubahan tingkah laku anak, sediakan ruang selamat untuk mereka luah perasaan, menjadi contoh teladan yang baik, elakkan pertengkaran, keganasan atau bahan lucah di rumah.

"Ibu bapa juga perlu lindungi anak daripada persekitaran berisiko, usah biarkan anak bersendirian dengan orang tidak dikenali. Pelaku juga perlu dihukum setimpal sebagai pengajaran," katanya.




# Cadang tubuh Pasukan Khas Keselamatan Pelajar di sekolah

Oleh **Zulhisham Isahak** - 16 October 2025



*Murad Jailani*

JOHOR BAHRU – Kerajaan dicadang menubuhkan Pasukan Khas Keselamatan Pelajar melibatkan Kementerian Pendidikan (KPM) serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi menilai semula tahap keselamatan sekolah di seluruh negara.

Ketua Cabang Parti Keadilan Rakyat (PKR) Pasir Gudang, Murad Jailani berkata, antara langkah segera yang perlu diambil termasuk audit keselamatan menyeluruh di semua sekolah, penambahan unit kaunseling, memperketat prosedur operasi standard (SOP) penggunaan telefon bimbit serta pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan berisiko.

"Menteri tidak patut terus dipersalahkan tanpa bukti kecuaian, tetapi beliau mesti menunjukkan kepimpinan tegas dan tindakan pantas.

"Rakyat tidak mahu alasan, mereka mahu melihat tindakan nyata untuk mencegah tragedi seterusnya," katanya dalam kenyataan akhbar hari ini.

Katanya, tindakan menuding jari dan mendesak menteri meletak jawatan setiap kali berlaku kes jenayah seksual, buli dan keganasan di sekolah dianggap tidak adil.

Sebaliknya ujar beliau, tumpuan perlu diberi terhadap pembaikan sistem secara menyeluruh.

Jelasnya, menteri dan kerajaan memang mempunyai tanggungjawab moral untuk menjamin keselamatan pelajar, namun peletakan jawatan tidak seharusnya dijadikan jalan keluar utama kecuali jika terbukti berlaku kecuaian secara langsung.

"Apa yang lebih penting ialah tindakan segera dan pelan pembetulan, bukan sekadar mencari salah siapa.

"Dalam isu keselamatan pelajar, yang diperlukan bukan pengunduran seseorang, tetapi pembaikan sistem secara menyeluruh," katanya.

Menurut beliau, isu jenayah seksual, buli dan keganasan di sekolah bukan perkara baharu, tetapi kini lebih banyak didedahkan akibat kewujudan media sosial dan telefon pintar dalam kalangan pelajar.

"Kaji punca sebenar kejadian tersebut lebih mendalam, termasuk kelemahan sistem disiplin dan penguatkuasaan, pengaruh bahan lucah, kekurangan bimbingan moral, pegawai kaunseling terlatih serta ketiadaan sistem pemantauan CCTV yang mencukupi," tambahnya.- MalaysiaGazette



CHAU Yen, Ban Hong dan Halyjah bergambar bersama guru serta murid selepas Majlis Perasmian Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak 2025 sempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) DUN Klebang di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Ying Chye, Bukit Rambai. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

# WRUR: SAYANG ANAK BUKAN DIMANJA, IBU BAPA PERLU PEKA PERUBAHAN KANAK-KANAK

NORAFIQAH JAMAL
KHAMIS, 16 OKTOBER 2025 @ 12:51

KLEBANG 16 Oktober – "Sayangakan anak bukan dimanja, tapi dijaga dengan hikmah dan bijaksana," tegas Timbalan Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Leng Chau Yen ketika merasmikan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak 2025 di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Ying Chye, di sini, semalam.

Chau Yen, turut memberi pesanan kepada ibu bapa dalam kalangan guru yang hadir untuk mendidik jiwa dan akal sempurna anak-anak demi masa depan negara tercinta selain peka dengan perubahan fizikal serta mental mereka.

Jelasnya, advokasi bersempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) Dewan Undangan Negeri (DUN) Klebang merupakan usaha perkukuh jaringan perkhidmatan dan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap masyarakat.

"Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Melaka melaksanakan program advokasi ini bukan sahaja untuk memberi kesedaran kepada pelajar, malahan golongan penjaga, ibu bapa juga perlu sedar mengenai isu atau perkara membabitkan kanak-kanak," katanya.

"WRUR hasil cetusan idea Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh membolehkan pelbagai agensi kerajaan menyalurkan maklumat, bantuan serta perkhidmatan secara terus kepada rakyat, termasuk murid serta pelajar sekolah.

"Pendekatan turun padang ini bukan sahaja memperkukuh hubungan antara agensi kerajaan dan masyarakat setempat, malah mencerminkan semangat prihatin serta tanggungjawab sosial tinggi dalam kalangan warga Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di Sekolah Kebangsaan Cina (SJKC) Ying Chye di sini hari ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Klebang, Datuk Wira Lim Ban Hong dan Pengarah JKM negeri Halyjah Muhamad serta kenamaan lain.

Mengulas lanjut, Chau Yen berkata JKM akan terus memainkan peranan dalam memberi kesedaran terhadap semua pihak mengenai isu semasa membabitkan tanggungjawab ibu bapa terhadap kanak-kanak.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Urus Setia program atas kejayaan menganjurkan program dengan pengisian bermanfaat, termasuk ceramah mengenai Buli Siber oleh Suruhanhaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan keselamatan kanak-kanak oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Pelaksanaan program seumpama ini diharap dapat memberi suntikan semangat kepada semua pihak agar terus memelihara kesejahteraan kanak-kanak dan membentuk generasi masa depan yang lebih berilmu serta berakhlak," jelasnya.

# ASEAN Digesa Laksana Dasar Tenaga Boleh Baharu Responsif, Utamakan Kehidupan Wanita

17/10/2025 12:42 AM




**Oleh Engku Shariful Azni Engku Ab Latif**

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Dasar tenaga boleh baharu (TBB) yang responsif terhadap jantina di ASEAN perlu memberi tumpuan kepada penghidupan rakyat terutamanya wanita yang menyokong keluarga, perniagaan mikro dan perkhidmatan komuniti, kata para pakar.

Ini berikutan rantau ini bergerak menuju peralihan tenaga.

Koordinator Projek Kanan Climate Action Network Southeast Asia (CANSEA) Nachatira Thuraichamy berkata dasar berkenaan tidak seharusnya hanya mengukur skala tenaga dalam gigawatt dan megawatt sahaja.

Tetapi katanya dasar tersebut turut menetapkan sasaran dan belanjawan untuk maksud nilai keluarga serta masa yang dijimatkan daripada penjagaan tanpa gaji selain kerja domestik.

Jelasnya, ia juga perlu mengambil kira peranan wanita dalam bidang teknikal dan pengurusan serta perusahaan tenaga yang dimiliki oleh kalangan wanita.

"Panduan di peringkat ASEAN kini memerlukan disiplin pengukuran seperti ini untuk meletakkan keperluan, keterangkuman jantina dan sosial ke dalam rancangan tenaga, perolehan serta pemantauan selain menerbitkan penunjuk terpisah mengikut jantina yang merupakan kunci utama.

"Jadi, ya, metrik penting, tetapi adakah kita mengukur metrik yang betul untuk memahami isu-isu persimpangan di lapangan," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai salah seorang panelis semasa sesi bertajuk "Mempercepat Penempatan TBB melalui Dasar Responsif Jantina" di Forum Perniagaan Tenaga ASEAN 2025 (AEBF-25) di sini hari ini.

Menguatkan lagi sentimen itu, pakar tenaga utama Bank Dunia Yussuf Uwamahoro berkata, dasar tenaga TBB yang benar-benar responsif terhadap jantina tidak seharusnya menganggap jantina sebagai satu perkara sampingan.

Sebaliknya, katanya jantina perlu dianggap sebagai sebahagian daripada inti pati reka bentuk dasar TBB dan dengan itu, melaksanakan peralihan tenaga.

Beliau menambah pembuat dasar pula perlu mengetahui kedudukan lelaki dan wanita dalam sektor tenaga sama ada dalam akses kepada tenaga bersih atau penciptaan pekerjaan.

Yussuf berkata di Bank Dunia, mereka menyedari iaitu apabila wanita terlibat dalam projek, sama ada sebagai jurutera, pemimpin komuniti atau inovator, projek-projek berkenaan bukan sahaja terangkum, tetapi juga berjaya.

"Dasar ini mengenai mencipta peluang untuk wanita untuk terlibat, menyokong usahawan sama ada dalam sektor tenaga solar atau angin dan benar-benar memastikan wanita mendapat latihan yang sesuai serta sokongan kewangan, sama ada di bandar atau di kawasan luar bandar.

"Jadi, ini mesti terangkum. Kita tidak boleh meninggalkan mereka (wanita) dan beranggapan kita akan berjaya dalam peralihan tenaga hijau," katanya.

# Penggantian kad boleh dilakukan selepas laporan perubatan, maklumat terkini dikemukakan - JKM

Ridzuan Abdul Rahman
mohamadridzuan@hmetro.com.my



Zarina Zainuddin

Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tampil dengan penjelasan berhubung isu membabitkan pelakon Zarina Zainuddin di Harian Metro, semalam.

Zarina yang mahu menggantikan kad Orang Kelainan Upaya (OKU) anaknya, Azal Azrai yang hilang mendakwa, rekod Azal gagal dikesan dalam sistem JKM dan diminta membuat laporan polis.

JKM menerusi satu kenyataan berkata, semakan mereka mendapati tiada maklumat pengesahan pegawai perubatan direkodkan dalam Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) bagi anak pelakon terbabit.

"Petugas telah memberikan penerangan lanjut, menyerahkan Borang BPPOKU (Pindaan 2019) untuk diisi dan menandakan bahagian berkaitan bagi memudahkan rujukan klien (Zarina).

"Klien turut disarankan untuk membuat laporan polis sebagai langkah pencegahan terhadap sebarang kemungkinan penyalahgunaan kad.

"Selain itu, klien juga menyerahkan satu lagi kad OKU milik anak kembarnya bagi tujuan penggantian kad rosak. Hasil semakan menunjukkan situasi yang sama iaitu tiada pengesahan perubatan dalam sistem dan maklumat tersebut belum pernah dikemaskini," kata kenyataan terbabit.

Menurutnya, Zarina sudah dimaklumkan bahawa penggantian kad baharu (kad QR) hanya boleh dilaksanakan setelah laporan perubatan atau makluman pengesahan terkini dikemukakan.

"Ini adalah kerana, sistem SMOKU yang diperkenalkan pada tahun 2011 telah melalui beberapa fasa menaik taraf dengan penambahan subkategori OKU serta pengenalan kad OKU baharu berteknologi QR.

"Oleh itu, klien telah disarankan untuk melakukan pengesahan semula oleh pegawai perubatan bagi membolehkan pengemaskinian data dibuat dalam sistem serta membuat laporan polis sebagai langkah keselamatan dan perlindungan data peribadi.

"Hasil daripada tindakan susulan dan khidmat nasihat yang diberikan, klien telah menyerahkan semua dokumen berkaitan kepada JKM pada 15 Oktober 2025. Kad OKU anak klien telah diproses dan dikeluarkan oleh JKM pada 16 Oktober 2025," katanya lagi.

Kenyataan terbabit turut memaklumkan JKM sentiasa komited untuk memastikan setiap urusan berkaitan pendaftaran, pengemaskinian dan penggantian kad OKU dilaksanakan secara tertib, telus dan berpandukan prosedur operasi standard (SOP).

Disiarkan pada: Oktober 16, 2025 @ 9:17pm

# KPM akan laksana reformasi segera sektor pendidikan - Fadhlina

Nasional - Dicipta: 16 Oktober 2025 11:27 AM




*Fadhlina Sidek*

***KUALA LUMPUR, 16 Oktober*** **–** Kementerian Pendidikan (KPM) akan melaksanakan reformasi segera melibatkan sistem dan mekanisme sektor pendidikan bagi menangani isu keselamatan, kesejahteraan murid serta mewujudkan persekitaran sekolah selamat dan kondusif.

Menterinya, Fadhlina Sidek berkata reformasi itu berteraskan lima fokus utama iaitu kesihatan mental, pencegahan bahan terlarang, suara murid serta pengukuhan ekosistem sekolah selamat dan kolaborasi rentas agensi.

Beliau menegaskan kesihatan mental guru dan murid menjadi keutamaan dengan pelaksanaan intervensi bersama Kementerian Kesihatan (KKM) serta rakan strategik dalam bidang tersebut.

"Kita melakukan reformasi segera ke atas sistem dan mekanisme sedia ada. Pemerkasaan sekolah selamat dan program pendidikan dilaksanakan dengan kerjasama rentas kementerian termasuk KKM, Kementerian Komunikasi dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

"(Selain itu) pendekatan masyarakat seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menghadapi cabaran," katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata usaha itu dilaksanakan secara intensif dan berterusan melibatkan semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di 10,243 sekolah di seluruh negara.

"Pelaksanaan akan dibuat secara praktikal dan efisien serta-merta, dan KPM akan menilai keberkesanan usaha ini secara intensif serta berterusan. Pemantauan semua inisiatif pihak sekolah juga akan dinilai semula setiap 15 hari," ujarnya.

Fadhlina menekankan reformasi itu memerlukan pendekatan holistik menerusi penglibatan ibu bapa, agensi kerajaan dan komuniti setempat bagi mewujudkan persekitaran pendidikan yang selamat, inklusif dan sejahtera.

Beliau menjawab soalan Salamiah Mohd Nor (Temerloh) berhubung tindakan segera dan menyeluruh KPM bagi memastikan insiden tragis seperti kes pelajar dirogol dalam kelas di Melaka baru-baru ini tidak berulang termasuk berkaitan keselamatan fizikal di sekolah, pengawasan guru serta mekanisme aduan yang berkesan.

# 'Children are being failed': Suhakam calls for stronger protection against violence targeting girls



Malaysia must move beyond words, Suhakam said in a statement today, to ensure girls can grow free from violence, discrimination, and femicide. — Unsplash pic

By Malay Mail
*Thursday, 16 Oct 2025 5:31 PM MYT*

KUALA LUMPUR, Oct 16 — Malaysia must take urgent and coordinated action to protect girls from gender-based violence, the Human Rights Commission of Malaysia (Suhakam) has warned, following reports of sexual assault, bullying, and killings across the country.

In a statement released today, Suhakam highlighted recent cases in Sabah, Melaka, Selangor, and Kedah, including gang rapes and fatal acts of violence that could amount to femicide.

The commission said these incidents "expose a grave reality: children, particularly girls, continue to be failed by the very protection systems and social structures meant to keep them safe."

Schools, communities, and online spaces, which should foster "learning, trust, and growth," are increasingly becoming "sites of fear, victimisation, and harm," the commission added.

Such failures, Suhakam said, represent serious violations of children's rights, dignity, and equality.

Malaysia's commitments under the Convention on the Rights of the Child (CRC), the Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW), and Article 8(2) of the Federal Constitution must translate into "real and effective protection on the ground," Suhakam said.

The commission urged immediate measures, including:

- The creation of coordinated national data on gender-based and child-targeted violence, including femicide, to inform policy.
- Appointment of gender and child protection focal points in key ministries and the Royal Malaysia Police to ensure "timely, survivor-centred, and trauma-informed responses."
- Making schools safe and inclusive environments through stronger anti-bullying policies, confidential reporting mechanisms, and comprehensive education on gender equality, respect, and consent.
- Ensuring that the media and public refrain from publishing material that could identify children involved in criminal or sensitive cases.

Highlighting Malaysia's obligations under the Sustainable Development Goals, Suhakam said urgent action is needed to ensure that girls and all children live "free from violence, discrimination, and exploitation."

"The world recently observed the International Day of the Girl Child on October 11. Malaysia must move beyond commemoration and take decisive action to safeguard its girls, not only from physical and sexual violence, but also from the indignity of public exposure, online shaming, and the escalating threat of femicide," the commission said.

"Protecting children's rights means protecting their identities, safety, and dignity, both offline and online. Every girl has the right to live free from gender-based violence, including femicide, and to grow in environments that uphold her equality, autonomy, and respect," it added.

## KBS teliti pelaksanaan sistem mentor bantu pelajar hadapi isu buli

16 Oktober 2025, 12:21pm



*Foto hiasan*

**Oleh: Syafiqah Damanhuri**

**PUTRAJAYA:** Kementerian Belia dan Sukan (KBS) meneliti cadangan pelaksanaan sistem mentor-mentee yang melibatkan pelbagai pihak bagi membantu pelajar menangani isu buli dan sosial dalam kalangan belia termasuk pelajar sekolah.

Menterinya Hannah Yeoh berkata, pendekatan itu antara yang disuarakan pihak badan bukan kerajaan (NGO) bagi mengukuhkan sokongan terhadap remaja melalui bimbingan berstruktur, bukan hanya bergantung kepada guru yang sudah mempunyai tanggungjawab asas masing-masing.

"Kalau kita hanya bergantung kepada guru ataupun Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), kebanyakan mereka mempunyai tanggungjawab asas. Dan mungkin tak ada masa untuk luangkan masa untuk kes-kes spesifik.

"Tetapi kita ada banyak golongan belia, NGO yang sebenarnya boleh membantu," katanya ketika ditemui media selepas mempengerusikan Persidangan Meja Bulat Belia: Menoktahkan Budaya Buli, Membina Generasi Prihatin.

Namun, katanya, semua mentor dan sukarelawan perlu menjalani latihan terlebih dahulu bagi memastikan nasihat yang disampaikan profesional serta tidak menimbulkan risiko kepada pelajar.

"Tetapi semua mentoring system dan volunteer ini perlu dilatih dahulu. Kalau tidak, bahaya juga kalau nasihat yang diberikan bukan nasihat yang profesional dan nasihat yang tidak tepat," jelasnya.

Semasa sesi meja bulat, pihaknya turut menerima cadangan untuk memperkukuhkan penghormatan terhadap guru yang kini disifatkan semakin merosot.

"Saya juga dengar pandangan daripada PIBG tadi yang saya rasa cukup penting dan ada banyak suara yang kata kita perlu kembalikan penghormatan guru di sekolah, bermaksud guru mesti dihormati.

"Kalau ibu bapa tidak memberikan penghormatan kepada guru susah untuk guru melaksanakan tindakan disiplin dan tatatertib di sekolah," katanya.

Pihaknya juga menerima pandangan daripada pihak belia yang menyatakan isu hormat itu perlu diusahakan.

"Kita ada banyak pandangan tadi daripada kumpulan belia juga, kumpulan belia pula kata hormat tidak datang secara automatik.

"'It must be earned, respect must be earned", jadi ini suara orang muda. Jadi generasi berlainan ini mempunyai pandangan yang berlainan," katanya lagi.

Tambahnya usaha menentang gejala buli ini merupakan inisiatif rentas kementerian meliputi pihaknya bersama Kementerian Pendidikan (KPM), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi) serta Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Semua cadangan yang diterima pihaknya, akan dijadikan Nota Jemaah Kabinet dalam tempoh tiga minggu.



DUA pelajar lelaki berusia 17 tahun tiba di Mahkamah Alor Gajah menaiki kenderaan polis bagi menghadapi pertuduhan kes rogol berkumpulan pelajar junior. Foto oleh AMRAN ALI/ KOSMO!

# 2 pelajar kes rogol junior didakwa, seorang mengaku salah

Oleh AMRAN ALI | 16 Oktober 2025, 1:17 pm

ALOR GAJAH – Dua daripada empat pelajar lelaki yang disyaki terlibat dalam kes rogol berkumpulan seorang junior dan merakamkan kejadian di sebuah sekolah dua minggu lalu, didakwa di Mahkamah Kanak-Kanak Alor Gajah hari ini.

Kedua-dua tertuduh berusia 17 tahun yang juga calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dihadapkan di depan Majistret Dr. Teoh Shu Yee atas tiga pertuduhan membabitkan kesalahan rogol secara berkumpulan, persetubuhan bertentangan aturan tabii dan amang seksual fizikal.

Bagaimanapun, hanya seorang mengaku bersalah atas ketiga-tiga pertuduhan, manakala seorang lagi minta untuk dibicarakan.

Mengikut kertas pertuduhan pertama di bawah Seksyen 375B Kanun Keseksaan, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan rogol secara berkumpulan terhadap seorang remaja perempuan berusia 15 tahun lapan bulan yang juga pelajar tingkatan tiga.

Jika sabit kesalahan, tertuduh berdepan hukuman penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii terhadap mangsa sama di bawah Seksyen 377B Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Dalam pertuduhan ketiga, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal dengan memegang payudara mangsa di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, yang memperuntukkan hukuman sama.

Kesemua kesalahan itu dilakukan di dalam sebuah kelas Tingkatan Tiga sebuah sekolah menengah di Alor Gajah pada pukul 2.50 petang, 30 September lalu.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pengarah Pendakwaan Negeri, Datuk Ahmad Sazali Omar memohon hukuman setimpal memandangkan kesalahan dilakukan amat serius dan mencadangkan jaminan RM20,000 bagi setiap pertuduhan terhadap setiap tertuduh.

Peguam Chua Yong Yi yang mewakili tertuduh pertama memohon jaminan rendah atas alasan anak guamnya baru menjalani pembedahan sinus dan menghidap penyakit angin pasang.

Tertuduh kedua yang diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) turut memohon jaminan rendah dan bersedia mematuhi syarat mahkamah.

Shu Yee kemudian membenarkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM4,000 bagi pertuduhan pertama dan RM1,500 masing-masing bagi pertuduhan kedua dan ketiga, menjadikan jumlah keseluruhan RM7,000 setiap seorang.

Beliau turut menetapkan tarikh 26 November depan untuk sebutan serahan dokumen bagi tertuduh pertama dan laporan akhlak bagi tertuduh kedua sebelum hukuman dijatuhkan.

Kosmo! pada 11 Oktober lalu melaporkan empat suspek berusia 17 tahun direman enam hari bagi membantu siasatan kes berkenaan mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksaan. – KOSMO! ONLINE

# Lagi kes rogol berkumpulan dalam kelas, 4 ditahan termasuk 3 pelajar sekolah

Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my



Gambar hiasan

Baling: Empat remaja termasuk tiga pelajar sebuah sekolah di daerah ini, ditahan polis kerana disyaki terbabit dalam rogol berkumpulan dan menyebarkan bahan lucah yang kemudian tular di media sosial.

Pemangku Ketua Polis Daerah Baling, Deputi Superintendan Ahmad Salimi Mat Ali berkata, polis menerima satu laporan daripada seorang pengadu berusia 53 tahun pada Ahad lalu kira-kira jam 11 pagi selepas dia dimaklumkan guru disiplin berkaitan penularan rakaman video anaknya berbogel.

Beliau berkata, susulan daripada itu, tiga pelajar sekolah berkenaan dan seorang lagi bekas pelajar sekolah sama, ditahan pada jam 9.30 malam pada hari sama untuk membantu siasatan.

"Hasil siasatan lanjut mendapati, empat suspek terbabit didapati melakukan seks termasuk secara berkumpulan pada Mei hingga Ogos lalu di beberapa lokasi di dalam kelas sekolah berkenaan.

"Berikutan itu, kesemua suspek ditahan dan direman lima hari mulai tarikh mereka ditangkap dan merampas enam telefon bimbit untuk siasatan lanjut," katanya.

Ahmad Salimi berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksaan kerana rogol berkumpulan dan menghantar pornografi kanak-kanak.

Katanya, polis memandang serius kejadian ini dan meminta orang ramai terutamanya ibu bapa dan penjaga supaya memantau kegiatan dan pergerakan anak-anak terutamanya dalam kalangan remaja.

**Disiarkan pada: Oktober 16, 2025 @ 8:48am**

# Fasilitator ditahan berhubung kes cabul murid dalam kem motivasi




SEORANG fasilitator ditahan bagi membantu siasatan selepas disyaki mencabul empat murid lelaki berusia 12 tahun ketika program kem motivasi di sebuah kem motivasi di Kampung Genting, Balik Pulau, Pulau Pinang.

Oleh SAFINA RAMLI 16 Oktober 2025, 11:15 am

BALIK PULAU: Seorang fasilitator lelaki berusia 33 tahun ditahan polis malam tadi selepas disyaki mencabul empat murid lelaki berusia 12 tahun ketika program kem motivasi di sebuah kem motivasi di Kampung Genting, di sini.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Asisten Komisioner Sazalee Adam berkata, kejadian dipercayai berlaku pada 12 Oktober lalu dalam satu program motivasi membabitkan sebuah sekolah kebangsaan dari daerah Kerian, Perak.

Menurutnya, suspek yang juga merupakan fasilitator jemputan dikatakan bertindak mencabul mangsa di asrama penginapan kem motivasi berkenaan.

“Siasatan awal mendapati, kejadian itu berlaku semasa peserta kem sedang tidur pada waktu tengah malam di dalam dorm yang menempatkan murid lelaki dan suspek dikatakan telah menyentuh bahagian badan keempat-empat mangsa tanpa kerelaan mereka,” katanya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Barat Daya di sini, hari ini.

Sazalee berkata, mangsa hanya menceritakan kejadian itu kepada guru besar selepas pulang dari kem berkenaan sebelum laporan polis dibuat semalam oleh guru besar berkenaan di Balai Polis Bagan Serai, Perak.-UTUSAN




Gambar hiasan.

# Pelajar lelaki dicekup kes 'gangguan' di sekolah

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED 16 Oktober 2025, 11:35 pm

SABAK BERNAM – Seorang pelajar lelaki ditahan selepas disyaki melakukan gangguan seksual terhadap pelajar perempuan di sebuah sekolah menengah di daerah ini, Isnin lalu.

Kejadian itu melibatkan mangsa berusia 15 tahun, manakala suspek 14 tahun dengan kedua-dua mereka belajar di sekolah sama.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Md. Yusof Ahmad berkata, siasatan awal mendapati kejadian itu berlaku kira-kira pukul 9. 30 pagi ketika waktu rehat.

"Bertindak atas maklumat, polis kemudian menahan suspek di tepi jalan Parit 1 Barat, Sungai Besar pada hari sama. Remaja yang juga pelajar sekolah itu direman selama empat hari bagi membantu siasatan," katanya ketika dihubungi, malam ini.

Tambah Md. Yusof, siasatan lanjut sedang dijalankan dan kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017. – KOSMO ONLINE

# Buruh ladang mengaku rogol anak, lakukan amang seksual fizikal

16 Oktober 2025, 3:02pm



Oleh: **Abdul Rahemang Taiming**

**TAWAU:** Seorang bapa yang juga buruh ladang kelapa sawit mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas lapan pertuduhan iaitu merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak kandung sendiri antara November 2023 hingga Oktober lalu.

Tertuduh lelaki warga Indonesia pemegang pas lawatan sosial berusia 38 tahun membuat pengakuan itu selepas semua kertas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ahmad Faizadh Yahaya.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol anak perempuannya berusia 15 tahun di ladang kelapa sawit dalam daerah Kalabakan sekitar November 2023 kira-kira 2 petang sebelum mengulangi perbuatan sama di lokasi sama kira-kira jam 12 tengah hari pada Februari tahun lalu.

Bagi dua kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan kerana merogol dan sabit kesalahan boleh dipenjara tidak kurang lapan tahun dan tidak lebih tiga puluh tahun, dan hendaklah dihukum dengan sebatan tidak kurang sepuluh kali sebatan.

Selain itu, tertuduh juga mengaku bersalah atas lima pertuduhan mengikut Seksyen 14 dan satu pertuduhan mengikut Seksyen 15 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dibaca bersama Seksyen 16(1) Akta Sama atas kesalahan melakukan amang seksual fizikal dan aktiviti yang bersifat seksual terhadap mangsa sama dalam lima kejadian berasingan di rumah mereka antara Februari, Mei, dan Julai tahun lalu.

Seksyen 14 memperuntukkan hukuman penjara minimum lapan tahun dan tidak lebih tiga puluh tahun, dan hendaklah dihukum dengan sebatan tidak kurang sepuluh kali sebatan manakala Seksyen 15 tertuduh boleh dihukum penjara tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 4 REMAJA ROGOL PELAJAR TINGKATAN 3 DITAHAN | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 17 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Kes rogol di Baling

# 4 remaja rogol pelajar Tingkatan 3 ditahan

## Kejadian berlaku secara berasingan antara April hingga Ogos lalu di dalam, luar sekolah

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Lagi kes jenayah seksual membabitkan kejadian rogol di sekolah, terbongkar apabila empat remaja lelaki termasuk tiga pelajar sebuah sekolah menengah dekat Baling, ditahan kerana merogol mangsa berusia 15 tahun.

Siasatan polis mendapati, kejadian rogol itu dipercayai berlaku secara berasingan di antara April hingga Ogos tahun ini, membabitkan beberapa lokasi dalam sekolah dan luar premis terbabit.

Mangsa dikatakan dirogol dalam kelas pada sebelah petang ketika tiada orang di kawasan bangunan sekolah kerana sesi persekolahan hanya berlangsung sebelah pagi, selain pernah dirogol dalam ladang kelapa sawit.

Ketua Polis Kedah, Datuk Adzli Abu Shah, berkata seorang daripada empat suspek adalah bekas pelajar sekolah sama tetapi sudah dibuang, manakala tiga lagi masih belajar di sekolah sama.

Beliau berkata, suspek berusia 17 tahun itu turut dikenal pasti sebagai teman lelaki mangsa, manakala tiga lagi suspek berusia 15 tahun adalah kenalan mangsa di sekolah terbabit.

"Susulan tangkapan yang dibuat, polis turut merampas telefon bimbit dan didapati tidak menunjukkan ada video seksual tetapi hanya menunjukkan perbuatan tidak moral membabitkan mangsa.

"Siasatan mendapati, tiada tanda-tanda video itu dijual, cuma dikongsi termasuk oleh mangsa.

"Biarpun perbuatan itu dilakukan atas dasar suka sama suka, mangsa masih berada di bawah umur (16 tahun) dan tidak boleh dianggap cukup matang untuk memahami akibatnya," katanya di sini, semalam.

Adzli berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksaan dan Seksyen 8 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak kerana penyebaran pornografi kanak-kanak.

"Walaupun (hubungan seks) dilakukan secara suka sama suka tetapi kerana (mangsa) membabitkan kanak-kanak bawah umur, ia diklasifikasikan sebagai rogol," katanya.

Adzli berkata, tindakan guru disiplin sekolah yang segera memaklumkan kepada ibu mangsa yang kemudian membuat laporan polis, memudahkan tangkapan dilakukan segera.

### Bapa mangsa lapor kejadian

Terdahulu, Pemangku Ketua Polis Daerah Baling, Deputi Superintendan Ahmad Salimi Md Ali, berkata pihaknya menerima laporan daripada pengadu berusia 53 tahun, kira-kira jam 11 pagi Ahad lalu, selepas dimaklumkan guru disiplin berkaitan penularan rakaman video bogel membabitkan anaknya.

Beliau berkata, susulan laporan yang diterima itu, tiga pelajar sekolah berkenaan dan seorang lagi bekas pelajar sekolah sama, ditahan pada jam 9.30 malam hari sama untuk membantu siasatan.

"Siasatan lanjut mendapati, empat suspek terbabit didapati melakukan seks di beberapa lokasi termasuk dalam kelas sekolah itu.

"Berikutan itu, semua suspek ditahan dan direman lima hari mulai tarikh mereka ditahan dan merampas enam telefon bimbit untuk siasatan lanjut," katanya.

Sementara itu, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah menjalankan siasatan dalaman serta mengenakan hukuman tegas termasuk buang sekolah terhadap mereka yang bersalah dalam kes rogol membabitkan beberapa pelajar sebuah sekolah di Baling.

Katanya, perhatian utama kementerian ketika ini adalah memastikan mangsa diberi bantuan terbaik dalam menempuh situasi sukar itu.

"Perhatian utama kami pada ketika ini adalah untuk memastikan mangsa diberi bantuan terbaik dalam menempuh situasi sukar ini. Aspek kesejahteraan mangsa diberi sepenuh perhatian," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 40 RUMAH, LIMA SEKOLAH ROSAK | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 17 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Empat sekolah terjejas dibadai ribut diarah laksana PdPR

**Kuala Lumpur:** Empat sekolah di Teluk Panglima Garang, Selangor, yang rosak akibat dibadai ribut petang kelmarin, diarah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR) buat sementara waktu, demi keselamatan murid dan semua warganya.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata Kementerian Pendidikan akan memastikan kerja baik pulih terhadap kerosakan sekolah berkenaan dijalankan dengan segera.

"Keseluruhannya empat sekolah terjejas, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sijangkang Jaya; Sekolah Kebangsaan (SK) Sijangkang Jaya; SK Kampung Medan dan SK Jalan Tanjung.

"Semua sekolah terjejas akan melaksanakan PdPR bagi memastikan keselamatan murid, guru dan seluruh warga sekolah. Saya akan pastikan kerja baik pulih segera dilaksanakan di semua sekolah terjejas," katanya dalam kenyataan menerusi Facebook, semalam.

Fadhlina berkata, malam kelmarin, beliau bergegas ke Kampung Sijangkang sejurus menerima laporan mengenai kejadian ribut yang merosakkan beberapa buah sekolah di kawasan itu.

"Syukur, tiada kemalangan serius melibatkan warga pendidikan. Tinjauan dilakukan di SK Kampung Medan dan SK Jalan Tanjung yang terjejas untuk mengetahui sendiri keadaan di sekolah dan mendapatkan maklumat terkini tentang kerosakan," katanya.

Fadhlina turut menzahirkan doa agar seluruh warga sekolah diberikan kesabaran dalam menghadapi ujian berkenaan.



SK Kampung Medan, Telok Panglima Garang rosak teruk akibat ribut, kelmarin. (Foto Faiz Anuar/BH)



Penduduk membersihkan kawasan rumah yang dibadai ribut di Kuala Langat, kelmarin.

# 40 rumah, lima sekolah rosak

## 11 murid Sekolah Rendah Agama Kampung Medan cedera ringan

Oleh Norzamira Che Noh dan Muhamaad Razis Ismail
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Puluhan rumah, beberapa sekolah dan kemudahan awam terjejas dan rosak akibat ribut di beberapa kawasan sekitar Kuala Langat, petang kelmarin.

Kejadian bermula kira-kira jam 4.15 petang itu bagaimanapun tidak mengakibatkan kehilangan jiwa.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Mohd Akmalrizal Radzi, berkata lima sekolah, sebuah dewan orang ramai dan sekurang-kurangnya 40 rumah rosak dalam kejadian berkenaan.

Antara premis terjejas, Dewan Wawasan Batu 9 Kampung Medan, Pejabat Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Sijangkang, kawasan perumahan Batu 9 Kampung Medan serta kawasan industri Taman Sijangkang Jaya.

"Seramai 11 murid dari Sekolah Rendah Agama Kampung Medan cedera ringan, lima daripada mereka mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Telok Panglima Garang, manakala enam lagi dibawa pulang oleh keluarga masing-masing.


Sekolah terjejas teruk dibadai ribut di Banting

Keratan akhbar BH, semalam

"Selain itu, seorang lelaki cedera di bahagian mata dan seorang wanita mengalami patah kaki selepas dihempap besi ketika kejadian. Mereka dirawat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang," katanya menerusi kenyataan, semalam.

**8 keluarga di PPS**

Beliau berkata, sebuah pusat pemindahan sementara (PPS) turut dibuka di Dewan Harmoni Batu 7, Sijangkang pada jam 8 malam tadi bagi menempatkan keluarga yang terjejas.

"Setakat ini, lapan keluarga berdaftar di PPS berkenaan," katanya.

Beliau berkata, kerja pembersihan dan pemotongan pokok sudah dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak sejak jam 4.30 petang semalam.

Sementara itu Penyelaras DUN Sijangkang, Datuk Zurihan Yusop cemas selepas bangunan Pejabat Penyelaras DUN itu di Dewan Wawasan Kampung Medan, di sini, runtuh dalam kejadian reibut petang kelmarin.



Penduduk membersihkan rumah yang terjejas akibat ribut di Telok Panglima, semalam. (Foto Ahmad Ukasyah/BH)



Bumbung sebuah rumah terjejas akibat ribut di Kuala Langat, semalam.

"Mujurlah kami sempat berlindung di bawah meja daripada ditimpa dinding yang runtuh," katanya.

Kejadian sekitar jam 4 petang ketika beliau bersama sembilan kakitangan sedang bermesyuarat di bangunan itu.

Katanya, seorang kakitangan wanita cedera paha kanan, dipercayai terkena serpihan kaca dan dikejarkan ke hospital.

"Mangsa mesti bersabar dan bagi yang mengalami kerosakan rumah, sila buat laporan polis bagi memudahkan urusan bantuan," katanya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUA CALON SOM HADAPI 3 TUDUHAN JENAYAH SEKSUAL | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 17 OKTOBER 2025 | M/SURAT : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

### Kes rogol di Melaka

# Dua calon SPM hadapi 3 tuduhan jenayah seksual

**Alor Gajah:** Dua pelajar Tingkatan 5 yang juga calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bulan depan, masing-masing berdepan tiga tuduhan jenayah seksual ketika dihadapkan ke Mahkamah Kanak-Kanak di sini, semalam.

Kedua-duanya berdepan tuduhan merogol secara berkumpulan, melakukan seks luar tabii serta amang seksual terhadap seorang pelajar junior dalam sebuah kelas di sekolah mereka di sini, pada akhir bulan lalu.

Sejurus mendengar pertuduhan dikemukakan terhadap mereka secara berasingan di hadapan Majistret, Dr Teoh Shu Yee, tertuduh kedua kes itu mengaku bersalah, manakala tertuduh pertama dari Taman Rumbia Jaya di sini, memohon dibicarakan.

Bagi tuduhan pertama, mereka didakwa secara bersama-sama, merogol pelajar perempuan berusia 15 tahun lapan bulan itu dalam kelas sebuah sekolah menengah di sini, kira-kira jam 2.50 petang pada 30 September lalu.

Mereka didakwa melakukan jenayah itu mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksaan (KK), yang jika sabitkan boleh dihukum penjara di antara 10 tahun hingga 30 tahun.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, masing-masing didakwa dengan sengaja melakukan persetubuhan bertentangan aturan tabii dan amang seksual fizikal terhadap mangsa pada tarikh, masa dan di tempat sama.

Bagi pertuduhan persetubuhan di luar aturan tabii, mereka didakwa mengikut Seksyen 377B KK dan Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 bagi pertuduhan amang seksual fizikal.

Jika disabitkan kesalahan bagi kedua-dua pertuduhan itu, masing-masing boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan sebatan bagi setiap kesalahan.

Pendakwaan diketuai oleh Pengarah Pendakwaan Negeri Melaka, Datuk Ahmad Sazali Omar yang dibantu Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Ali Hussain dan Farah Nabihah Sofian.

Peguam bela, Chua Yong Yi dan Long Meng Si, masing-masing mewakili tertuduh pertama dan kedua.

Ahmad Sazali berkata, pendakwa tidak berhasrat menawarkan jaminan, namun jika mahkamah ingin menggunakan budi bicara atas pertimbangan umur tertuduh, pendakwaan mencadangkan jaminan RM20,000 bagi semua pertuduhan untuk setiap tertuduh berserta syarat tambahan tidak boleh mengganggu mangsa.

Yong Yi ketika ditemui di luar mahkamah, memberitahu beliau merayu jaminan rendah kerana anak guamnya akan menjalani pembedahan angin pasang selepas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kelak.

Meng Si dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan, berkata anak guamnya sudah ditukar sekolah dan tiada kebarangkalian mengganggu mangsa, selain membuat aku janji akan hadir di mahkamah pada tarikh ditetapkan.

Majistret membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM7,000 dan menetapkan 26 November ini untuk laporan akhlak tertuduh kedua dan serahan dokumen bagi tertuduh pertama.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 4 REMAJA TERMASUK TIGA PELAJAR DITAHAN | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

NODA, SEBAR BAHAN LUCAH

# 4 remaja termasuk tiga pelajar ditahan

**Baling:** Empat remaja termasuk tiga pelajar sebuah sekolah di daerah ini, ditahan polis kerana disyaki terbabit melakukan rogol secara berkumpulan dan menyebarkan bahan lucah yang kemudian tular di media sosial.

Pemangku Ketua Polis Daerah Baling, Deputi Superintendan Ahmad Salimi Mat Ali berkata, polis menerima satu laporan seorang pengadu berusia 53 tahun pada Ahad lalu kira-kira jam 11 pagi selepas dia dimaklumkan guru disiplin berkaitan penularan rakaman video anaknya berbogel.

Beliau berkata, susulan daripada itu, tiga pelajar sekolah dan seorang lagi bekas pelajar sekolah sama berusia antara 15 hingga 17 tahun ditahan pada jam 9.30 malam pada hari sama untuk membantu siasatan.

"Hasil siasatan lanjut mendapati empat suspek terbabit didapati melakukan seks termasuk secara berkumpulan pada Mei hingga Ogos lalu di beberapa lokasi di dalam kelas sekolah berkenaan.

"Berikutan itu, kesemua suspek ditahan dan direman lima hari mulai tarikh mereka ditangkap dan merampas enam telefon bimbit untuk siasatan lanjut," katanya.

Ahmad Salimi berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksaan kerana rogol berkumpulan dan pornografi kanak-kanak.

Katanya, polis memandang serius kejadian itu dan meminta orang ramai terutamanya ibu bapa dan penjaga supaya memantau kegiatan dan pergerakan anak-anak terutamanya dalam kalangan remaja.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HANYA SEORANG MENGAKU SALAH | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 OKTOBER 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

KES ROGOL PELAJAR TINGKATAN 3

# Hanya seorang mengaku salah

**Alor Gajah**

Dua daripada empat pelajar lelaki yang terbabit dalam kes rogol pelajar perempuan Tingkatan Tiga dalam kelas di sebuah sekolah dua minggu lepas, didakwa di Mahkamah Kanak-Kanak di sini, semalam.

Kedua-dua tertuduh berusia 17 tahun yang juga calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) itu berdepan tiga pertuduhan melibatkan kesalahan merogol secara berkumpulan, melakukan persetubuhan bertentangan tabii dan amang seksual fizikal.

Bagaimanapun, hanya seorang daripada tertuduh membuat pengakuan bersalah atas ketiga-tiga pertuduhan manakala seorang lagi tidak mengaku salah dan mohon dibicarakan.

Mengikut pertuduhan pertama, mereka secara bersama didakwa di bawah Seksyen 375B Kanun Keseksaan kerana secara berkumpulan merogol seorang remaja perempuan berusia 15 tahun.

Mereka berdepan hukuman penjara tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa dengan sengaja melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii terhadap mangsa di bawah Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh dipenjara hingga 20 tahun dan sebatan.

Sementara untuk pertuduhan ketiga, tertuduh masing-masing didakwa dengan sengaja melakukan amang seksual fizikal mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman sama.

Kesemua kesalahan itu dilakukan di dalam kelas di sebuah sekolah di Alor Gajah pada 30 September lepas, kira-kira 2.50 petang.

> **Kesalahan dilakukan dalam kelas di sebuah sekolah di Alor Gajah**

Proses pendakwaan yang dikendalikan Pengarah Pendakwaan Negeri Datuk Ahmad Sazali Omar mencadangkan jaminan RM20,000 bagi setiap pertuduhan terhadap setiap tertuduh memandangkan kes berkenaan adalah serius.

Bagaimanapun, tertuduh pertama yang tidak mengaku salah dan diwakili peguam Chua Yong Yi memohon jaminan rendah atas faktor anak guamnya itu mengalami masalah kesihatan disebabkan baru selesai menjalani pembedahan sinus selain menghidap penyakit hernia (angin pasang).

Tertuduh kedua yang diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan turut memohon jaminan rendah serta bersedia menerima sebarang syarat yang ditetapkan oleh mahkamah.

Majistret Dr Teoh Shu Yee kemudian membenarkan mereka diikat jamin RM4,000 bagi pertuduhan pertama dan masing-masing RM1,500 bagi pertuduhan kedua dan ketiga, menjadikan jumlah jaminan RM7,000.

Mahkamah menetapkan 26 November depan sebagai tarikh sebutan serahan dokumen bagi tertuduh pertama dan laporan akhlak bagi tertuduh kedua sebelum menjatuhkan hukuman.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | NAFI PERKOSA HINGGA HAMIL | | |
| HARI : | JUMAAT | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 17 OKTOBER 2025 | M/SURAT : | 08 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



DHANUSH (kiri) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Muar atas pertuduhan rogol pelajar hingga hamil.

# Nafi perkosa hingga hamil

**Muar:** Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan merogol pelajar perempuan hingga hamil, pertengahan tahun ini.

Tertuduh, Dhanush, 18, membuat pengakuan itu sejurus kesemua dua pertuduhan dikemukakan jurubahasa terhadapnya di hadapan Hakim Mohd Khairi Haron.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, dia yang bekerja sebagai kelindan lori didakwa merogol pelajar berusia 15 tahun di rumah mangsa di Segamat, 4.30 petang pada April dan Mei tahun ini.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan sebatan bagi setiap pertuduhan dikenakan terhadapnya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Haniff Hassan.

Mangsa dilaporkan demam dengan keluarganya menghantar ke sebuah klinik kesihatan sebelum disahkan hamil.

Susulan itu, satu laporan polis dibuat di Balai Polis Chaah pada 8 Oktober dengan tertuduh ditahan keesokan hari.

Terdahulu, pihak pendakwaan menawarkan ikat jamin RM20,000 bagi kesemua pertuduhan memandangkan kesalahan dilakukan adalah serius.

Bagaimanapun selepas mendengar hujahan dan rayuan pihak pembelaan, mahkamah membenarkan ikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin.

Kes disebut semula pada 9 Januari tahun depan untuk serahan dokumen.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | REFORMASI KPM | | |
| HARI : | JUMAAT | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 17 OKTOBER 2025 | M/SURAT : | 16 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

DEWAN RAKYAT

# Reformasi KPM

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Kementerian Pendidikan (KPM) akan melaksanakan reformasi segera ke atas sistem dan mekanisme sedia ada, di samping pemerkasaan program pendidikan yang sedang berjalan bagi memastikan insiden tragis seperti kes pelajar dirogol dalam kelas tidak berulang.

**Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek** berkata, reformasi ini merentasi kementerian terutama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Komunikasi dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Selain itu, ia juga membabitkan pendekatan seluruh masyarakat iaitu Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta Dalam Pendidikan (PIBKS) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi menghadapi cabaran itu.

"Usaha ini akan menjadi satu usaha intensif dan berterusan dengan semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dikerah untuk pelaksanaan secara praktikal dan efisien di semua 10,243 sekolah di seluruh Malaysia. KPM akan menilai keberkesanan usaha ini secara intensif dan berkala.

"Pemantauan dan penilaian pelaksanaan terhadap semua inisiatif yang dilaksanakan pihak sekolah akan dinilai semula setiap 15 hari. Menteri dan Timbalan Menteri serta pengurusan tertinggi KPM akan terus bertemu dengan warga pendidik dan murid bagi mendengar dan mendapatkan input berkaitan pelaksanaan inisiatif ini," katanya ketika pertanyaan menteri di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Salamiah Mohd Nor (PN-Temerloh)** mengenai tindakan segera dan menyeluruh yang telah dan akan diambil KPM bagi memastikan insiden tragis seperti kes pelajar dirogol dalam kelas tidak berulang.

